

Bil. S 50

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2011/2012) (BIL. 8), 2012

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 48/11) bertarikh 9 haribulan Ogos, 2011 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu satu ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$5,130,785,600.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan belas juta, lima ratus ribu, sembilan ratus dua puluh lapan ringgit (\$19,500,928.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011 (S 81/11);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, satu ratus lapan belas ribu, enam ratus lima puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh enam sen (\$28,118,659.76) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 2), 2012 (S 2/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat juta, dua ratus sembilan puluh satu ribu, satu ratus dua ringgit dan dua puluh sembilan sen (\$4,291,102.29) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 3), 2012 (S 8/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh lapan juta, lapan ratus tiga puluh lapan ribu, dan tujuh ratus empat puluh tiga ringgit (\$48,838,743.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 4), 2012 (S 9/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, enam ratus dua belas ringgit dan empat puluh dua sen (\$7,823,612.42) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 5), 2012;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan puluh empat juta, empat ratus tujuh puluh lapan ribu, empat ratus lapan puluh dua ringgit (\$94,478,482.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 6), 2012;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima belas juta, sembilan ratus sembilan puluh empat ribu, lapan ratus sepuluh ringgit dan tiga puluh dua sen (\$15,994,810.32) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 7), 2012;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan belas juta, enam ratus enam puluh sembilan ribu, tujuh ratus lapan puluh enam ringgit dan lapan puluh satu sen (\$19,669,786.81);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 8), 2012.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011/2012 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan belas juta, enam ratus enam puluh sembilan ribu, tujuh ratus lapan puluh enam ringgit dan lapan puluh satu sen (\$19,669,786.81) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011/2012, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011 (S 81/11), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 2), 2012 (S 2/12), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 3), 2012 (S 8/12), Perintah Perbekalan Tambahan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2011/2012) (Bil. 4), 2012 (S 9/12), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 5), 2012, Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 6), 2012 dan Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 7), 2012 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
JABATAN PERDANA MENTERI		
SK05A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$19,669,786.81
		<u>\$19,669,786.81</u>

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 16 haribulan Jun, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM